

## PARTI KOMUNIS CHINA DAN KEDUDUKAN KAUM TANI DALAM REVOLUSI, 1922 – 1937: SATU PERBINCANGAN RINGKAS\*

Rupawan Ahmad

Sebelum Parti Komunis China (PKC) berjaya menjatuhkan rejim Kuomintang (KMT) pada 1949, kedudukan dan peranan kaum tani dalam revolusi komunis masih dianggap *marginal*. Kaum tani sebagaimana anggapan Marx adalah golongan yang konservatif dan tidak bersifat revolusioner.<sup>1</sup> Walau bagaimanapun, kejayaan yang telah dicapai oleh PKC telah menolak anggapan tersebut. Malahan kejayaan itu membuktikan kaum tani boleh berada di barisan depan sebagai tenaga penggerak yang utama dalam revolusi. Justeru itu pengkaji-pengkaji revolusi komunis di China mensifatkan kejayaan tersebut sebagai satu pencapaian yang unik dalam sejarah revolusi Komunis.<sup>2</sup>

Artikel ini bertujuan melihat perubahan orientasi dan strategi PKC dalam revolusi antara tahun 1922 hingga 1937. Perbincangan

---

Oleh kerana beberapa sebab tertentu, beberapa aspek tidak dibincangkan dalam artikel ini, antaranya ialah mengenai rancangan-rancangan PKC menguasai gerakan kaum pekerja di bandar-bandar, rancangan-rancangan PKC mengenai reformasi tanah dan penyelesaian masalah agraria di China, rancangan-rancangan PKC dalam menggerakkan kaum tani dalam revolusi dan teknik-teknik revolusi yang dilakukan di kawasan luar bandar. Walaupun aspek-aspek tersebut tidak dibincangkan, artikel ini masih boleh menunjukkan bagaimana PKC mempengaruhi kaum tani dan meletakan mereka di barisan hadapan.

1 Richard M. Preffer, "Mao dan Marxism in Marxist-Leninist Tradition: A Critique of the China Field and a Contribution to a Preliminary Reappraisal," dalam *Modern China*, Vol. 2, No. 4, Oktober, 1976, h. 421 – 60. Lihat juga Lucien, Bianco, *Origins of the Chinese Revolution, 1915-1949*, Stanford: Stanford University Press, 1971, h. 73 – 81.

2 Lihat kajian-kajian oleh Chalmers A. Johnson, *Peasant Nationalism and Communist Power: The Emergence of Revolutionary China, 1937 – 1945*, Stanford: Stanford University Press, 1962; Mark Selden, *The Yen-an Way in Revolutionary China*, Cambridge: Harvard University, 1971; Eric P. Wolf, *Peasant Wars of the Twentieth Century*, New York, 1969. Lihat juga Jean Chesneaux, *Peasant Revolts in China, 1840-1949*, London: Thames & Hudson, 1973 dan Frederick Wakeman, Jr., "Rebellion and Revolution: The Study of Popular Movements in Chinese History," dalam *Journal of Asian Studies*, Vol. XXXVI, No. 2, February, 1977, h. 201 – 237.



akan ditumpukan kepada dua tahap. Pertama, tahap 1922 – 1927 yang merupakan jangkawaktu perjuangan PKC yang didominasi oleh kaum pekerja di bandar (proletariat), dan penglibatan kaum tani masih bersifat *marginal*. Manakala tahap kedua pula dari tahun 1927 – 1937, merupakan tahap yang penting. Dalam jangkawaktu tersebut PKC berusaha meletakkan kaum tani di barisan depan dalam perjuangan parti tersebut.

Pada tahun 1921, sekumpulan inteligentsia China diketuai oleh Chen Tu-hsiu menubuhkan Parti Komunis China.<sup>3</sup> Chen menjadi ketuanya yang pertama. Parti ini bertujuan untuk melancarkan revolusi komunis oleh kaum pekerja sehingga terbentuknya sebuah negara komunis.

Beberapa tahun selepas penubuhan PKC, para pemimpinnya masih berselisih pendapat mengenai orientasi dan strategi parti itu, terutamanya mengenai penglibatan golongan massa dalam revolusi. Sebahagian besar pemimpin berpendapat pusat revolusi hendaklah di bandar-bandar dan kaum pekerja sebagai penggerak revolusi yang utama. Kekuatan massa hanya dapat disusun secara teratur di bandar-bandar, bukannya di kawasan-kawasan luar bandar. Mereka percaya kejayaan revolusi komunis hanya bergantung kepada gerakan dan peranan kaum pekerja di bandar. Pada pandangan mereka kaum tani di China sukar untuk disatukan kerana sikap mereka yang konservatif dan keadaan kawasan luar bandar yang sangat mundur dan masih lagi primitif.<sup>4</sup>

Perbezaan pendapat mengenai orientasi dan strategi parti berterusan selama beberapa tahun.<sup>5</sup> Walaupun dalam kongres PKC yang kedua, iaitu pada bulan Julai 1922, PKC mengakui bahawa terdapat seramai tiga ratus juta petani di China dan mereka merupakan faktor penting dalam politik dan revolusi, PKC tidak juga berusaha

3 Chester C. Tan, *Chinese Political Thought in the Twentieth Century*, Newton Abbot, David & Charles (Publishers) Ltd., 1972, h. 104 – 110. Lihat perbincangan beliau mengenai tokoh-tokoh yang bertanggungjawab menubuhkan PKC seperti Li Ta-chao dan Chen Tu-hsiu.

4 *Ibid.*, h. 305. Lihat juga Philip C.C. Huang, “Mao Tse-tung and the Middle Peasant, 1925 – 1928,” dalam *Modern China*, Vol. I, No. 3 July 1985, h. 272 – 73.

5 Lihat perbincangan oleh Lucien Bianco, *Origins of the Chinese Revolution*, h. 53 – 81. Mengikuti Bianco, antara tahun 1921 – 1927 PKC lebih mengutamakan perjuangan kaum buruh di bandar-bandar. Hanya selepas tahun 1927 baharulah PKC mula mengambil berat perjuangan kaum tani. Untuk mendapat gambaran yang jelas mengenai perubahan tersebut sila lihat A.M. Grigor’ev, “An Important Landmark in the History of the Chinese Communist Party, dalam *Chinese Studies in History*, Vol. III, No. 3, Spring 1975, h. 18 – 44.



menyusun dan menarik kaum tani. Ketua PKC yang pertama, Chen Tu-hsiu berpendapat kedudukan kaum tani yang terpisah-pisah di merata kawasan sukar disatukan ke dalam sebuah organisasi. Jadi Chen dan sebahagian besar pucuk pimpinan masih tidak menerima hakikat bahawa revolusi yang mereka lancarkan itu memerlukan penglibatan kaum tani. Tambahan pula Chen dan rakan-rakannya menganggap sikap konservatif petani tidak menggalakkan mereka bergiat secara aktif dalam revolusi. Para petani tidak bersifat revolusioner.<sup>6</sup>

Walaupun sebahagian besar daripada pucuk pimpinan bersikap demikian, ada juga sebahagian kecil yang menolak anggapan tersebut. Golongan ini menumpukan usaha menyusun gerakan tani di desa-desa. Sementara itu pihak Comintern juga menyedari keadaan politik di China bergantung kepada sokongan para petani. Pada tahun 1922 Comintern mengingatkan PKC bahawa kaum tani tidak boleh diketepikan dalam revolusi. “Comintern” menegaskan “to succeed, the revolutionary movement in the backward countries of the east must be based on the action of the peasant masses.”<sup>7</sup> Sungguhpun demikian pucuk pimpinan PKC masih tidak memberikan perhatian pada isu tersebut.

Dalam kongres kedua PKC yang diadakan pada bulan Julai 1922 desakan-desakan mengenai isu petani masih ditimbulkan. Akhirnya kongres mengakui tiga ratus juta petani di China merupakan faktor penting dalam revolusi.<sup>8</sup> Namun begitu langkah susulan untuk mengorganisasikan petani tidak juga ditumpukan.

Pada tahun 1923, Chu Chiu-pai melalui tulisan-tulisannya menegaskan PKC perlu mengubah strategi parti. Di sebaliknya PKC dalam manifestonya telah menegaskan bahawa “the Communist party of China is a party of the proletariat. Our purpose is to organize the proletariat.”<sup>9</sup> Sehubungan dengan ini, Chu Chiu-pai salah seorang daripada pemimpin PKC yang tidak bersetuju dengan sikap tersebut telah menulis beberapa artikel yang menjelaskan peri pentingnya peranan yang boleh dimainkan oleh para petani dalam revolusi. Beliau berpendapat para petani hanya memerlukan organisasi yang dapat menyatukan mereka ke dalam satu barisan yang kuat untuk bergerak di barisan depan.<sup>10</sup>

---

6 Lihat perbincangan oleh Chester C. Tan, *Chinese Political Thought*, h. 303 – 330. Terutama mengenai tokoh-tokoh PKC sebelum tahun 1927 seperti Chen Tu-hsiu, Li Li-san dan Chen Shao-yu.

7 *Ibid.*, h. 346.

8 Philip C.C. Huang, *Mao Tse-tung and the Middle peasant*, h. 273.

9 *Ibid.*

10 Liha Chester C. Tan, *Chinese Political Thought*, h. 316 – 317.



Pada tahun 1923 juga ada pendapat-pendapat yang disuarakan dalam “Xiangdo zhoubau” iaitu lidah resmi PKC supaya PKC melancarkan gerakan secara besar-besaran di kawasan luar bandar. Setiausaha Agong PKC, Chen Du Xiu kemudiannya menjawab desakan tersebut dengan menyatakan

The rural Communist movement that you call for seems to me a bit romantic. This is because the communist movement must rely on factory workers as its main force. In petty — agricultural China, the owner cultivators constitute more than one half of the population. These petty-bourgeoisie, they have an extremely fixed concept of the right to private property — how can they carry on the communist movement? How can the communist movement become a mass movement in the owner — cultivator dominated Chinese countryside.<sup>11</sup>

Dalam Kongres Ketiga PKC yang diadakan pada 1923 isu petani masih hangat dibincangkan. Tambahan pula “Commintern” sekali lagi mengingatkan PKC bahawa “the peasant question is the central question of all policies.”<sup>12</sup> Namun begitu “Commintern” tidak pula memberi sebarang arahan berhubung dengan cara-cara mengorganisasikan para petani. Oleh itu, walaupun kongres mengambil berat isu tersebut, langkah-langkah seterusnya masih juga tidak dilakukan. Disebaliknya ramai pemimpin yang tidak bersetuju dengan dasar parti yang telah diketepikan. Mengikuti Philip C.C. Huang sehingga tahun 1926 PKC tidak menampakkan sebarang langkah untuk mengubah dasar berhubung dengan peranan petani dalam revolusi.<sup>13</sup> Sementara Lucien Bianco pula mensifatkan PKC dalam tempoh 1921 – 1927 sebagai bersikap orthodox.<sup>14</sup>

Walaupun persoalan mengenai peranan petani masih tidak diterima oleh PKC, usaha-usaha untuk menarik petani ke dalam gerakan revolusi ada juga dilakukan oleh beberapa orang pemimpinnya. Peng Pai, seorang Ahli Jawatankuasa pusat PKC misalnya sejak tahun 1921 lagi telah menubuhkan beberapa persatuan petani di

11 Philip C.C. Huang, *Mao Tse-tung and the Middle peasant*, h. 278.

12 *Ibid.*, h. 283.

13 Dalam tulisannya beliau menunjukkan sehingga tahun 1926 hanya empat buah rencana mengenai kaum tani yang tersiar dalam *Xiangdao Zhubao*, iaitu majalah yang menjadi lidah resmi PKC. Majalah ini diterbitkan seminggu sekali. Manakala sebuah jabatan yang mengendali hal ehwal petani dalam PKC hanya ditubuhkan pada tahun 1926. Lihat *Ibid.*, h. 273.

14 Lihat perbincangan beliau dalam *Origins the Chinese Revolution*, h. 52 – 80. Bianco mengatakan kebanyakan pemimpin PKC pada ketika itu sedar akan kelemahan-kelemahan PKC jika revolusi tidak disertai oleh kaum tani, tetapi disebabkan kebanyakan dari mereka tidak begitu biasa dengan gerakan tani menyebabkan mereka lebih mudah menjalankan gerakan di bandar-bandar.



Hailufeng.<sup>15</sup> Beberapa persatuan lagi ditubuhkan di wilayah Chengkian, Kiangsi dan Hunan. Kegiatan Peng Pai kemudiannya berjaya membuktikan bahawa kaum tani boleh diorganisasikan ke dalam satu barisan yang tersusun. Peng Pai dianggap sebagai orang yang mula-mula sekali menyusun gerakan tani di China.<sup>16</sup> Strategi ini kemudiannya diteruskan oleh Mao Tse-tung.

Mengikuti Lucien Bianco, setelah tiga tahun ditubuhkan, PKC tidak menampakkan sebarang kejayaan. Malah pertambahan ahli parti juga sangat perlahan.<sup>17</sup> Pada tahun 1924, PKC bersetuju membentuk “National Front” dengan Parti KMT. Ekoran daripada kerjasama tersebut PKC mula menampakkan beberapa kemajuan. Penubuhan The Canton Peasant Movement Training Institute pada tahun 1924 menandakan satu titik penting dalam sejarah perjuangan PKC. Instituit ini ditubuhkan untuk melahirkan kader-kader yang bertanggungjawab membangkit kesedaran politik di kalangan petani. PKC telah berjaya menguasai instituit ini melalui pemimpin-pemimpin PKC seperti Peng Pai, Luo Qi-Yuan, Mao Tse-tung dan beberapa orang yang lain. Tenaga pengajar instituit ini juga sebahagian besarnya terdiri daripada ahli-ahli PKC.<sup>18</sup> Mengikuti Gerald W. Berkley penubuhan instituit tersebut menyebabkan gerakan tani di China pada tahun-tahun 1920an menjadi lebih tersusun dan berbeza daripada gerakan tani sebelumnya.

Never before had individuals who were intent on becoming professional revolutionaries being schooled in the art of peasant organization for political purposes and then dispatched to rural areas to practice their nearly acquired skills. This idea of using specially trained individuals to arouse the peasantry political action rather than working through the traditional secret societies or relying on spontaneous peasant agitation is perhaps the most important factor which separate the peasant movement of this period from its predecessors.<sup>19</sup>

Penubuhan instituit ini banyak membantu perjuangan PKC pada tahun-tahun 1930an kemudiannya.

---

15 Peng Pai adalah anak kepada seorang tuan tanah yang kaya. Semasa belajar di Jepun beliau telah dipengaruhi oleh ideologi komunis. Bila pulang ke China beliau melibatkan diri dalam revolusi PKC. Lihat artikel mengenai Peng Pai yang ditulis oleh Yong-Pil Pang. “Peng-Pai: From Landlord to revolutionary,” dalam *Modern China*, Vol. 1, No. 3, July 1975, h. 297 – 322.

16 Lihat Jean Chesneaux, *Peasant Revolts in China*, h. 94.

17 Lucien Bianco, *Origins of the Chinese Revolution*, h. 55.

18 Oleh kerana tenaga pengajarnya terdiri daripada golongan komunis kursus-kursus yang ditawarkan adalah sealiran dengan perjuangan PKC. Lihat Gerald W. Berkley, “The Canton Peasant Movement Training Institute,” dalam *Modern China*, Vol. 1, No. 2, April 1975, h. 161 – 179.

19 *Ibid.*, h. 162.



Perkembangan politik China antara tahun 1925 hingga 1927 banyak mempengaruhi PKC kemudiannya. Sepanjang musim panas pada tahun 1925 telah berlaku beberapa siri pemogokan, pemuluan dan demonstrasi anti imperialist di seluruh negeri China. Peristiwa ini dikenali sebagai “The May Thirtieth Movement” di mana ia merupakan titik penting dalam sejarah politik China.<sup>20</sup> Sementara itu PKC pula mula mendapat sokongan yang semakin besar dan telah meningkatkan kegiatannya dalam membangkitkan kesedaran politik di kalangan golongan pekerja di bandar-bandar.<sup>21</sup> Pada tahun 1926 pemogokan dan demonstrasi semakin giat dilakukan sehingga mencetuskan keadaan yang tidak stabil di China. Hubungan antara KMT dan PKC menjadi semakin renggang. Tindakan-tindakan keras yang dilakukan oleh tentera pimpinan Chiang Kai-shek dalam mengatasi kekacauan yang dicituskan oleh kaum pekerja telah memburukkan lagi keadaan.<sup>22</sup> Akhir-akhirnya pada tahun 1927 KMT dan PKC memutuskan kerjasama antara kedua-dua parti (United Front). Tindakan-tindakan keras oleh Chiang Kai-Shek dalam mententeramkan keadaan menyebabkan kegiatan PKC di bandar-bandar menjadi lumpuh. PKC terpaksa memindahkan markas mereka ke kawasan luar bandar. Dengan itu hubungan di antara PKC dengan golongan pekerja di bandar semakin terbatas. Ekoran daripada kegagalan PKC dalam revolusi pada tahun 1927 itu, maka satu sidang tergepar parti itu telah diadakan. Chen Du Xiu telah dilucutkan jawatan Ketua PKC dan diganti oleh Chu Chui-pai.<sup>23</sup> Lucien Bianco mensifatkan tahun 1927 itu sebagai satu era bermulanya daripada tarikh inilah juga tanda-tanda perubahan strategi dan orientasi parti mulai ketara. Pada tahun 1927 isu-isu mengenai penglibatan petani dan program-program PKC berhubung dengan persoalan-persoalan

---

20 Bianco mensifatkan peristiwa tersebut sebagai titik bermulanya revolusi yang pertama di China. Lihat *Origins of the Chinese Revolution*, h. 55. Mengikut Chester C. Tan pula peristiwa tersebut telah menyebabkan Mao Tse-Tung terlibat secara aktif dalam mengorganisasikan gerakan kaum tani dalam revolusi PKC. Sebelumnya Mao tidak begitu berminat dalam gerakan tani. Lihat *Chinese Political Thought*, h. 346.

21 Sebelum “May Thirtieth Movement” ahli PKC hanya dalam lingkungan seribu orang. Pada bulan November 1925 ahlinya telah meningkat kepada 10 ribu orang. Pada bulan April 1927 anggota PKC meningkat kepada 58 ribu orang. Lihat Bianco, *Origins of the Chinese Revolution* h. 55.

22 Chiang Kai-shek menjadi tokoh penting dalam KMT selepas parti itu disusun semula pada tahun 1924. Beliau menjadi Ketua Akademi Tentera Whampao dan bertanggungjawab mengukuhkan tentera parti itu. Beliau mengetuai KMT dan memerintah China sehingga tahun 1949.

23 Philip C.C. Huang, *Mao Tse-tung and the Middle Peasants*, h. 288.



agraria hebat diperbincangkan. Pada tahun yang sama Mao Tse-tung telah menyiapkan satu laporan bertajuk “Laporan Penyiasatan ke Atas Pergerakan Kaum Tani di Hunan.” Dalam laporan ini Mao menegaskan bahawa kaum tani sangat perlu dalam revolusi PKC. Mereka adalah “benteng revolusi.”<sup>24</sup> Laporan tersebut telah menimbulkan kontroversi dalam parti sehingga Mao tersingkir daripada pucuk pimpinan parti. Pada bulan Oktober 1927, Mao Tse-tung dan beberapa orang pemimpin PKC telah berpindah ke kawasan pergunungan di Chingking iaitu di sempadan Hunan dan Kiangsi. Beliau berpendapat penubuhan markas di kawasan tersebut sangat penting dalam usaha meneguhkan kedudukan parti untuk menjalan dan memperluaskan kegiatan revolusi. Mao percaya kejayaan revolusi bergantung kepada kejayaan PKC mengubah para petani dan mereka hendaklah mesti belajar memahami kehendak-kehendak kaum tani.<sup>25</sup> Di kawasan inilah Mao mula mempelajari strategi dan mengorientasikan PKC sehingga menjadi sebuah parti yang didokong oleh kaum tani. Kemudiannya pada tahun 1928 kongres keenam PKC diadakan di Moscow. Dalam Kongres ini isu-isu petani dan persoalan-persoalan mengenai agraria menjadi tajuk perbincangan yang hangat. Chang Ku-tao, seorang Ahli Jawatankuasa Tertinggi PKC dalam ucapannya mengingatkan para perwakilan tentang kepentingan golongan petani dalam revolusi. Katanya, “since the peasantry comprises the majority of the Chinese population, the peasantry should lead the revolution.”<sup>26</sup>

Sementara Chu Chui-pai pula menggesa PKC berusaha menarik semua golongan petani sama ada petani yang miskin atau yang kaya bersama-sama berjuang dalam PKC. Beliau menegaskan musuh sebenar para petani sama ada kaya atau yang miskin adalah tuan-tuan tanah dan golongan militari.<sup>27</sup>

24 *Ibid.*, h. 218 – 285. Lihat juga Chester C. Tan, *Chinese Political Thought*, h. 345.

25 George H. Weisman dan Stuart H. Traub, “China and Mao: An Historical Analysis of Power Politics in the P.R.C.” dalam *Third World Review*, Vol. 1, No. 2, Fall 1976, h. 113. Walau bagaimanapun idea-idea Mao mengenai kaum tani dan revolusi PKC tidak mendapat sokongan daripada pucuk pimpinan PKC. Pada masa itu PKC diketuai oleh Li Li-san, seorang pemimpin yang mewakili kaum buruh dalam parti itu. Beliau tidak setuju dengan idea-idea Mao dalam soal melibatkan kaum tani dalam revolusi. Sebahagian besar ahli jawatankuasa pusat PKC juga tidak setuju dengan Mao, dan ini menyebabkan Mao tersingkir daripada Jawatankuasa pusat PKC. Antara tahun 1927 sehingga 1937 Mao disingkir sebanyak tiga kali dari menganggotai jawatankuasa pusat parti itu.

26 Dipetik dalam L.P. Deliusin, “The Sixth Congress of the Chinese Communist Party and its Agrarian-Peasant program,” dalam *Chinese Studies in History*, Vol. VIII, No. 3, Spring 1975, h. 72.

27 *Ibid.*, h. 87.



Li Li-san kemudiannya membentangkan laporan mengenai petani dan persoalan agraria di China. Dalam laporan tersebut Li menegaskan tentang perlunya reformasi tanah dilakukan di kawasan-kawasan luar bandar untuk menarik para petani.<sup>28</sup> Dalam perbahasan mengenai isu tersebut beberapa orang perwakilan mengingatkan PKC supaya berhati-hati mengenai masalah petani dan persoalan agraria. Pada dasarnya mereka bersetuju supaya reformasi tanah diberikan perhatian yang mendalam oleh parti. Walau bagaimanapun para perwakilan mengingatkan PKC supaya tidak menggunakan slogan-slogan yang boleh menakutkan beberapa golongan petani, terutamanya golongan petani kaya. Pada dasarnya kongres menerima konsep menasionalisasikan tanah, tetapi parti tidak akan menggunakan konsep tersebut sebagai slogan parti. Seorang perwakilan dalam kongres tersebut mengingatkan bahawa masih terlalu awal untuk menasionalisasikan tanah. Parti patut lakukan itu bila kuasa benar-benar telah berada di tangan PKC.<sup>29</sup> Hasil daripada kongres tersebut satu resolusi telah dicapai. PKC akan menekankan kepada perjuangan dan pergerakan yang didokong oleh kaum tani. Orientasi dan strategi parti juga akan diselaraskan dengan sifat dan bentuk asas perjuangan kaum tani yang akhirnya akan menuju ke arah tercetusnya revolusi agraria.

Perubahan strategi dan orientasi dalam perjuangan PKC yang diputuskan dalam kongres ke-6 menandakan bermulanya era baru dalam pergerakan komunis di China. Dalam tahun-tahun berikutnya kegiatan PKC banyak bergantung kepada sokongan para petani. Penglibatan petani dalam revolusi komunis selepas tahun 1927 mula menunjukkan kelemahan-kelemahan strategi yang diamalkan sebelumnya. Melalui strategi baru ini kedudukan PKC bertambah kuat. Para petani mula dapat disatukan di bawah satu organisasi gerakan tani yang sebelum ini tidak tersusun semakin dapat disesuaikan dengan revolusi komunis. Dalam hal ini Chesneaux menegaskan

Only after 1927 is it possible to speak of a genuine peasant revolution in China; only then did the peasant movement play a role which was more than first marginal to the true revolutionary process, capable of transforming the whole of society and consequently the peasantry itself.<sup>30</sup>

---

28 *Ibid.*, h. 77 – 85 dan h. 111. Mengikut Deliusin dalam sejarah China tidak pernah ada satu kuasa politik yang benar-benar berjaya menyelesaikan masalah-masalah agraria. Walaupun KMT cuba menyelesaikan masalah itu, usaha tersebut tidak berhasil, malah menyebabkan penentangan dari kaum tani secara berterusan.

29 *Ibid.*, h. 87.

30 J. Chesneaux, *Peasant Revolts in China*, h. 101.



Dalam tempoh 1927 hingga 1937, PKC berusaha mengidentifikasikan parti itu sebagai sebuah parti yang memperjuangkan kepentingan dan tuntutan kaum tani. Sehubungan dengan itu PKC telah menjalankan beberapa kajian mengenai soal pemilikan tanah dan keadaan-keadaan di kawasan luar bandar. Period ini disifatkan sebagai zaman “land revolution”.<sup>31</sup> Ekoran daripada laporan-laporan yang diperolehi telah mendorong PKC menggubal dasar dan program-program parti supaya sesuai dengan kehidupan kaum petani. Program-program PKC yang menekankan kepada “revolusi tanah” adalah bertujuan untuk menyelesaikan masalah agraria yang dihadapi oleh negeri China. Melaluinya diharapkan para petani akan lebih tertarik untuk menyertai revolusi. Sementara itu krisis ekonomi yang melanda negeri China di akhir tahun-tahun 1920an dan di awal 1930an membuka peluang yang luas kepada PKC mendapatkan sokongan petani.<sup>32</sup>

Sungguhpun pada dasarnya PKC menerima hakikat bahawa petani perlu diberi perhatian dalam revolusi, namun kebanyakan pemimpin-pemimpinnya tidak berpengalaman dalam gerakan tani. Oleh yang demikian dasar PKC tidak dapat dilaksanakan dengan

---

31 Perbincangan yang mendalam mengenai aspek ini didapati dalam Tso-Liang Hsiao, *The Land Revolution in China, 1930 – 1934*, Washington: Washington University Press, 1969.

32 Krisis ekonomi diburukkan lagi oleh bencana alam seperti banjir, kemarau dan penyakit yang berleluasan dalam tempoh tersebut. Pengeluaran pertanian dalam negeri tidak dapat memenuhi keperluan dalam negeri malah tidak mampu mengimport barang-barang makan untuk mengatasi masalah kebuluran. Masalah-masalah ekonomi seperti reformasi tanah, teknik pertanian, kredit, pemasaran dan sebagainya juga tidak begitu diberi perhatian oleh KMT. Penyelewengan-penyelewengan pegawai kerajaan juga menjadi-menjadi. Perbelanjaan kerajaan banyak diguna untuk memperkuat kedudukan tentera, menyebabkan perbelanjaan untuk memulihkan ekonomi dan meningkatkan kebajikan rakyat, khususnya petani-petani di luar bandar hampir tidak ada. Masalah yang dihadapi oleh petani semakin meningkat. Ini semua menyebabkan petani terdedah kepada propaganda dan janji-janji daripada PKC. Untuk maklumat lanjut sila rujuk Robert E. Bedeski, “State-Building in Modern China: The Kuomintang in the Prewar Period,” *China Research Monograph*, No. 18 Berkeley, 1981; Ralph Thaxton, “Tenant in Revolution: The Tenancy of Traditional Morality,” dalam *Modern China*, Vol. 1, No. 3, July 1975; dan Albert Fueuwerker, “The Chinese Economy, 1912 – 1949,” dalam *Michigan Papers in Chinese Studies*, No. 7, Ann Arbor, 1968. Lihat juga Douglas S. Pauw, “The Kuomintang and Economic Stagnation, 1928 – 1937,” dalam *Journal of Asian Studies*, Vol. XVI, No. 2, February 1957.



berkesan.<sup>33</sup> Sehingga tahun 1934 hanya beberapa orang pemimpin PKC sahaja yang benar-benar berusaha merencanakan strategi-strategi parti yang melibatkan kaum tani. Di antara tokohnya yang penting ialah Mao Tse-tung dan Chang Kuo-tao.<sup>34</sup> Hasil dari kegiatan mereka inilah yang telah berjaya meningkatkan revolusi PKC.

Apabila kerjasama KMT-PKC (United Front) tamat dan markas, PKC dikebanyakan bandar dihapuskan oleh Chiang Kai-shek, Mao Tze-tung dan pengikut-pengikutnya telah berpindah keluar bandar. Pada bulan Oktober 1927, Mao telah berpindah ke kawasan pergunungan di Chingking, iaitu kawasan sempadan antara Hunan dan Kiangsi. Dari markas inilah beliau menggerakkan revolusi. Sementara Chang Kuo-tao pula menjalankan kegiatannya di bahagian selatan China. Mereka telah dapat menguasai beberapa wilayah sekitarnya. Pada bulan November 1931 Mao telah menubuhkan republik komunis di Kiangsi yang dikenali sebagai "Chinese Soviet Republic" ataupun "Kiangsi-Soviet". Sementara Chang Kuo-tao pula menubuhkan "O-yu-wan Soviet" di bahagian selatan China.

Semasa di Kiangsi inilah PKI mula mengalami perubahan yang besar. Ideologi komunis mula dapat dikembangkan dengan meluas di kalangan para petani. Mao juga telah membentuk barisan tentera, dikenali dengan nama "Red Army". Penubuhan "Red Army" yang terdiri sebahagian besarnya daripada para petani merupakan satu titik penting dalam revolusi PKC kerana ia secara langsung telah melibatkan dan meletakkan para petani di barisan hadapan revolusi di China. Perkembangan ini juga telah membezakan corak gerakan dan perjuangan kaum tani daripada sebelumnya, dan membezakan corak revolusi komunis di Rusia dan di China. Mengikut Chesneaux,

---

33 Mengikut Chester C. Tan, sebelum tahun 1935 PKC tidak begitu berjaya dalam kegiatan-kegiatannya. PKC juga gagal dalam menggerakkan kaum tani dengan berkesan, pemimpin-pemimpin PKC seperti Chen Tu-hsiu, Chu Chiu-pai dan Li Li-san tidak begitu bersungguh-sungguh melaksanakan program-program parti yang melibatkan kaum tani. Hanya apabila Mao mengambil alih pucuk pimpinan baharulah dasar dan strategi parti yang melibatkan petani dapat dilaksanakan dengan berkesan. Lihat C.C. Tan, *Chinese Political Thought*, h. 346 – 349.

34 Untuk keterangan lanjut, sila lihat Robert W. Mc. Coll, "The Oyuwan Soviet Area, 1927 – 1932", dalam *Journal of Asian Studies*, Vol. XXVIII, No. 1, November 1967. Dan Philip C.C. Huang, Mao Tse-tung and the Middle peasant. Dan juga Peter Schran, "On the Yen-an Origins of Current Economic Policies," dalam Dwight H. Perkins, (ed.), *China's Modern Economy in Historical Perspective*, Stanford: Stanford University Press, 1975.



The period of the Kiangsi-Soviet was thus a turning point as important for the history of Chinese Communism as it was in the history of the Chinese peasant movement ... The peasantry had been influenced by a modern revolutionary ideology — Marxism — which sought to break with the primitif traditions of egalitarianism and adventurism of the secret societies.<sup>35</sup>

Di antara tahun 1927 – 1934, Mao di Chingking dan di Kiangsi sementara Chang Kuo-tau di O-yu-wan telah bertindak membahagikan semula tanah-tanah yang dirampas kepada para petani di kawasan-kawasan kekuasaan mereka. Tindakan yang dijalankan oleh Mao itu telah menyebabkan berlakunya pertentangan di antara beliau dengan pucuk pimpinan PKC. Pertentangan tersebut berkisar di sekitar undang-undang dan cara pembahagian tanah. Dalam tempoh di antara 1927 sehingga 1934 ini isu petani dan pembahagian tanah menjadi agenda perbincangan yang penting dalam PKC.<sup>36</sup> Ini menunjukkan kedudukan para petani dalam revolusi komunis di China bukan lagi secara marginal sebaliknya kedudukan mereka semakin penting dan mereka diletakkan di barisan hadapan kerana golongan pekerja di bandar-bandar telah lumpuh.

Pada tahun 1934 kedudukan Mao di Kiangsi terancam akibat daripada kemaraan tentera KMT yang mengepung wilayah tersebut. Sementara itu tentera Jepun pula telah mara ke wilayah Manchuria. Keadaan ini telah memaksa Mao berpindah ke wilayah yang lebih selamat. Mao bersama-sama dengan pengikutnya telah berpindah ke wilayah Yunan. Mereka terpaksa berjalan sejauh 7,000 batu. Perjalanan ini mengambil masa hampir dua tahun. Peristiwa ini kemudiannya dikenali sebagai “Long March.”

Apabila tiba di Yunan, pada tahun 1935, Mao telah membangunkan wilayah tersebut sebagai markasnya. Di Yunan Mao mula mengukuhkan kedudukannya dalam PKC. Pada ketika yang sama kegiatan PKC di bandar-bandar lumpuh sama sekali dan ini memaksa kebanyakan pemimpin PKC di bandar-bandar mencari perlindungan di kawasan luar bandar. Selepas peristiwa “Long March” PKC banyak dipengaruhi oleh idea-idea revolusi Mao Tze-tung.<sup>37</sup> Berdasarkan pengalamannya di Kiangsi, Mao menyedari bahawa PKC perlu merapatkan hubungannya dengan petani. Oleh itu sewaktu di Yunan, beliau telah mengorientasikan kegiatan PKC supaya sentiasa berdampingan dan berkhidmat untuk rakyat, terutamanya kepada para petani. Mao menegaskan dasar parti, kaedah pentadbiran dan

---

35 J. Chesneaux, *Peasant Revolts in China*, h. 117.

36 Tso-Liang Hsiao, *The Land Revolution*, terutamanya bab 1 – 4.

37 Untuk perbincangan lanjut sila lihat Peter Schran, *On the Origins of Current Economic Policies*, h. 281 – 287.



teknik-teknik revolusi perlu disesuaikan dengan cara hidup penduduk dan kemudahan-kemudahan yang ada di kawasan mereka. Untuk menguatkan kedudukan parti dari ahli-ahlinya Mao menggesa supaya wilayah-wilayah yang dijadikan markas PKC dibangunkan. Oleh kerana kebanyakan wilayah yang mereka kuasa itu masih mundur, Mao menggesa supaya kegiatan ekonomi terutamanya pertanian dimajukan supaya wilayah tersebut dapat menampung keperluan penduduknya. Keadaan ini akan dapat dicapai melalui reformasi tanah, peningkatan hasil pengeluaran dan menghadkan penggunaan barang-barang.<sup>38</sup> Sewaktu berada di Yunan, ketokohan Mao Tze-tung semakin menonjol sehingga beliau telah berjaya memimpin PKC pada tahun 1935. Di bawah kepimpinan Mao Tze-tung kedudukan petani menjadi semakin penting dalam revolusi. Tindak-tanduk Mao Tze-tung di Yunan menjadi asas kepada kekuatan PKC.

Mengikut Bianco, perjuangan PKC dipertengahan tahun 1930an mulai dipengaruhi oleh kaum tani dan isu-isu yang berhubungan masalah agraria. Mao sendiri menegaskan bahawa PKC adalah sebuah parti yang memperjuangkan hak kaum tani, membebaskan kaum tani dari tekanan sosial dan ekonomi. Malah PKC berusaha memastikan perjuangan kaum tani untuk memiliki tanah dilakukan dengan bersungguh.<sup>39</sup> Oleh itu sehingga tahun 1936 sebahagian besar kaum tani melibatkan diri dalam pergerakan revolusi PKC. Kejayaan ini adalah kerana perubahan-perubahan dasar dan strategi PKC sejak tahun 1927. Program dan dasar PKC yang mencerminkan sikap parti itu ke atas kaum tani menyebabkan mereka menaruh harapan yang besar kepada parti.<sup>40</sup>

Sebagai rumusan dapat dikatakan bahawa kejayaan PKC menjatuhkan kerajaan KMT pada tahun 1949 adalah bergantung kepada peranan yang dimainkan oleh kaum tani. Perubahan dasar dan strategi parti pada akhir tahun 1920-an merupakan faktor utama yang menghidup dan menguatkan kembali PKC yang hampir-hampir lumpuh akibat tekanan hebat dari KMT.

---

38 *Ibid.*

39 *Ibid.*, h. 290.

40 Ralp Thaxton, *Tenant in Revolution*, h. 346.